



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

19 MEI 2026 (SELASA)

Ladang Babi Tutup Sepenuhnya di Selangor Mulai Julai			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	9	19 Mei

Ladang babi tutup sepenuhnya di Selangor mulai Julai

SHAH ALAM: Ladang babi di Tanjong Sepat, Kuala Langat dijangka ditutup sepenuhnya pada Jun ini selepas tempoh enam bulan proses penutupan diberikan oleh kerajaan negeri kepada para penternak sejak Februari lalu.

Bermula 1 Julai, mereka sepatutnya sudah pun menyelesaikan urusan termasuk menjual ternakan mereka dan tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap penternak yang ingkar arahan tersebut selepas tarikh tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Sepat, Borhan Aman Shah berkata, tempoh tersebut merupakan kelonggaran diberikan bagi penternak masih mempunyai ternakan babi masih kecil atau baru lahir yang belum boleh dijual dan dipindahkan.

“Kita sudah beri peluang enam bulan kerana mereka memaklumkan masih ada

urusan perlu diselesaikan. Selepas tamat tempoh itu, penguatkuasaan akan dilaksanakan,” katanya ketika ditemui pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau yang juga Exco Perumahan dan Kebudayaan Selangor hadir Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kerajaan Selangor.

Jelasnya, ketika ini sebahagian premis juga sudah ditutup dan tindakan lanjut akan diambil terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi arahan ditetapkan.

Februari lalu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya ladang babi ditutup dan tidak berkenan sebarang pembukaan ladang baharu termasuk di tempat yang dicadangkan di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Kos Naik, Lembu Korban Kekal			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	13	19 Mei



MOHD. RASOL memberikan rumput kepada lembu ternakannya ketika ditemui di Kampung Padang Pulut, Dungun baru-baru ini.

Kos naik, harga lembu korban kekal

DUNGUN – Walaupun berdepan kenaikan kos pengangkutan susulan lonjakan harga bahan api, seorang penternak memilih untuk mengekalkan harga lembu korban sempena Aidiladha pada minggu hadapan.

Mohd. Rasol Ismail, 36, berkata, harga lembu korban tahun ini kekal RM4,500 hingga RM6,000 seekor bergantung kepada saiz dan baka.

"Kebanyakan haiwan ini dibawa masuk dari Thailand sejak awal tahun untuk dipelihara sebelum dijual untuk ibadah korban.

"Tahun lalu, kos pengangkutan untuk membawa masuk seekor lembu RM220. Tahun ini disebabkan perang Asia Barat, kosnya melonjak kepada RM350 seekor," katanya ketika ditemui di Kampung Padang Pulut, di sini baru-baru ini.

Mohd. Rasol berkata, secara keseluruhannya kos membawa masuk 40 ekor lembu dari negara jiran tahun ini mencecah RM14,000, berbanding RM8,800 tahun lalu.

Bekas mekanik yang mula menceburi bidang penternakan lembu sejak tahun 2020 berkata, dia memilih untuk tidak menaikkan harga kerana

mahu membantu lebih ramai penduduk di Terengganu melaksanakan ibadah korban pada tahun ini.

"Biarlah untung kecil asalkan saya dapat membantu ramai orang menunaikan ibadah korban. Saya anggap ia amal jariah Alhamdulillah permintaan lembu korban pada tahun ini amat memberangsangkan melebihi 180 ekor," katanya.

Tambahnya, selain orang perseorangan, kebanyakan pelanggannya terdiri badan bukan kerajaan, pihak pengurusan masjid dan surau. Antara baka lembu yang mendapat permintaan tinggi untuk ibadah korban ialah KK Cross dan Brahman.

"Setakat ini, saya mendapat tempahan dua ekor lembu sadu baka Charolais. Kesemua lembu ternakan saya termasuk import melepasi saringan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan bebas penyakit," katanya.

Haiwan-haiwan yang dibawa masuk dari Thailand akan diternak sekurang-kurangnya empat bulan dan diberi makar empat kali sehari bagi memastikan ia sihat dan mempunyai berat mencukupi menjelang sambutan Aidiladha.

Polis Tumpas Sindiket Penyeludupan Daging Bernilai RM12.4 Juta di Kajang			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	18 Mei



PENCEMARAN Sungai Kereh yang masih berlarutan hingga kini. FOTO Arkib NSTP

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) menumpaskan satu sindiket penyeludupan dan pengedaran pelbagai jenis daging bernilai RM12.4 juta menerusi Ops Taring Chiller di Kajang, Selangor, minggu lepas.

Pengarah JKDNKA Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata dalam serbuan pada 14 dan 15 Mei itu, pihaknya menahan lima lelaki termasuk empat warga Myanmar

berusia antara 21 dan 43 tahun di sebuah premis di Kajang.

Beliau berkata operasi itu dijalankan oleh Biro Jenayah Hidupan Liar/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) JKDNKA Bukit Aman dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

"Hasil serbuan, polis merampas 4,840 kanton karkas babi, 410 kanton

kepak ayam dan 115 kanton daging itik yang dipercayai diimport dari China, Brazil dan Argentina.

"Jumlah barang yang dirampas ini sebanyak 167,143.73 kilogram menjadikan nilai keseluruhan rampasan RM12.4 juta," katanya dalam sidang media di sini hari ini.

Mohd Yusri berkata siasatan awal mendapati sindiket berkenaan berselindung sebalik perniagaan makanan sejuk beku dengan menjalankan aktiviti penyeludupan produk import yang tidak diiktiraf selain mencampurkan simpanan produk halal dengan produk tidak halal.

Beliau berkata sindiket yang beroperasi sejak empat tahun lepas itu didapati menggunakan pengisytiharan palsu untuk membawa masuk daging berkenaan, sebelum pembungkusan semula bagi dijual di pasaran tempatan pada harga lebih murah.

"Polis percaya kegiatan ini didalangi oleh sindiket yang mempunyai rangkaian tertentu dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengesan dalang utama, pemodal, serta mana-mana individu lain yang

terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti ini," katanya.

Mohd Yusri berkata kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana menggajikan pekerja asing tanpa permit yang sah, bekerja tanpa permit, dan gagal mengemukakan dokumen perjalanan yang sah selain mengikut Perenggan 5 (2) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan Perenggan 3 (1) (g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Beliau berkata kes berkenaan turut disiasat di bawah Seksyen 3 Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian Majlis Perbandaran Kajang.

Dalam perkembangan berasingan, Mohd Yusri berkata bagi tempoh 1 Jan hingga 15 Mei lepas, WCB/PSK melaksanakan lapan serbuan di bawah Ops Taring Chiller dengan 52 tangkapan serta nilai rampasan RM15.1 juta.

"Secara keseluruhan JKDNKK

bagi tempoh sama telah merekodkan 88 kes melibatkan tangkapan sebanyak 153 orang dan nilai rampasan berjumlah RM157.3 juta," katanya.-[BERNAMA](#)

Sindiket Penyeludupan Makanan Sejuk Beku Campur Produk Halal Dan Tidak Halal Tumpas			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Kes	Dalam Talian	18 Mei



Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA),
Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri/RTM

KUALA LUMPUR, 18 Mei – Kegiatan sindiket yang berselindung di sebalik perniagaan makanan sejuk beku dengan menjalankan aktiviti penyeludupan produk import tidak diiktiraf serta mencampuradukkan produk halal dan tidak halal terbongkar selepas premis berkenaan diserbu polis menerusi Op Taring Chiller di Kajang, Selangor.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), Datuk Seri Mohd

Yusri Hassan Basri mengesahkan operasi bersepadu yang dijalankan pukul 8 malam 14 Mei hingga 2 petang 15 Mei lalu melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Lumpur, Jabatan Agama Islam Selangor, dan Majlis Perbandaran Kajang.

Operasi tersebut turut menahan seorang lelaki tempatan dan empat lelaki warga Myanmar berusia antara 21 hingga 43 tahun yang dipercayai bekerja di premis

berkenaan.

“Hasil serbuan oleh pasukan Wildlife Crime Bureau dan Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Pasukan Gerakan Am (PGA) ini, kami berjaya merampas produk sejuk beku dianggarkan bernilai RM12.4 juta, merangkumi 4,840 karton karkas khinzir, 410 karton sayap ayam import serta 115 karton itik, dengan jumlah berat keseluruhan mencecah 167,143.72 kilogram,” katanya.

Siasatan pihak berkuasa turut mendedahkan taktik licik sindiket berkenaan yang melibatkan kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 serta Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, apabila dikesan menggunakan penandaan halal secara generik pada pembungkusan bagi mengaburi pihak berkuasa dan pengguna.

“Pihak polis percaya kegiatan ini didalangi oleh sindiket yang mempunyai rangkaian tertentu dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengesan dalang utama, pemodal, serta mana-mana individu lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti ini,” tegas beliau semasa sidang media khas

berkenaan.

Walaupun syarikat logistik dan stor sejuk beku berkenaan mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), semakan lanjut pihak polis membongkar kegiatan mereka yang dipercayai beroperasi tanpa memiliki lesen penyimpanan atau pemprosesan sejuk beku yang sah sejak empat tahun lalu.

Kesemua suspek kini berdepan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 5 Akta Binatang 1953, Akta Imigresen 1959/63 serta undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan.

Op Taring Chiller yang dijalankan sejak 1 Januari lalu merekodkan lapan kes serbuan dengan 52 tangkapan, sekali gus melibatkan rampasan dan sitaan bernilai dianggarkan RM15.1 juta.

Secara keseluruhan, JKDNKA merekodkan 88 kes dengan 153 tangkapan dalam tempoh sama, dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah

RM157,390,985.88.-[BERITARTM](#)

Stor Haram Daging Import Meragukan Bernilai RM12.4 Juta Dirampas			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Berita	Dalam Talian	18 Mei



Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) PDRM, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri menunjukkan visual yang memaparkan daging sejuk beku yang berjaya dirampas pada sidang media Op Taring Chiller di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Foto SADIQ SANI, 18 MEI 2026.

KUALA LUMPUR – Taktik licik sindiket yang menjalankan penyeludupan dan bercampur status halal terbongkar dengan rampasan bernilai RM12.4 juta menerusi Ops Taring Chiller di sebuah premis di sekitar Kajang, Selangor.

Operasi sekitar jam 8 malam pada 14 Mei hingga 2 petang, 15 Mei lalu dilaksanakan oleh pasukan WCB/PSK, Bahagian Pasuka Gerakan. Am (PGA),

Jabatan Keselamatan dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kuala Lumpur, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPK).

Pengarah KDNKA, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, dalam serbuan itu pelbagai jenis kotak karkas daging Khinzir, kepek ayam

dan itik yang dirampas dipercayai diimport dari China, Brazil dan Argentina menggunakan kaedah pengisytiharan palsu.

“Siasatan mendapati, premis ini disyaki menjalankan aktiviti penyimpanan, penjualan dan pengedaran makanan sejuk beku yang menyalahi undang-undang.

“Dalam serbuan ini, kita telah menahan lima individu melibatkan seorang lelaki tempatan dan empat lelaki warga Myanmar berusia antara 21 hingga 43 tahun.

“Mereka bertindak sebagai penjaga stor, pemandu, penghantar dengan menerima kadar upah kira-kira RM2,000,” katanya dalam sidang media di sini hari ini.

Tambahnya, antara rampasan yang dilakukan membabitkan 4,840 karton karkas khinzir, 410 karton kepek ayam dan 115 karton itik dengan jumlah keseluruhan seberat 167,143 kilogram (kg) bernilai RM12.4 juta.

“Siasatan mendapati, premis terbabit sudah beroperasi kira-kira empat tahun dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga 5 April 2031 untuk aktiviti penyimpanan produk sejuk beku.

“Modus operandi sindiket ini adalah berselidung perniagaan makanan sejuk beku dengan menjalankan aktiviti penyeludupan produk import yang tidak diiktiraf serta kegiatan produk halal dan tidak halal.

“Semakan lanjut mendapati, sindiket ini dipercayai melakukan pembungkusan semula produk kepada kuantiti lebih kecil menggunakan pelbagai jenama sebelum dipasarkan di seluruh Malaysia,” jelasnya.

Mohd Yusri menambah, kegiatan itu dipercayai didalangi sindiket yang mempunyai rangkaian tertentu dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti dalang utama serta rangkaian pengedarannya.

“Kesemua produk rampasan ini dipercayai di bawa masuk dari selatan tanah air malah barangan tersebut dikesan tidak mempunyai sijil halal yang diiktiraf serta meragukan.

“Bagaimanapun, kita akan bekerjasama dengan JPV Kuala

Lumpur bersama JAIS Selangor bagi mengesan lokasi bekalan produk ini dipasarkan,”ujarnya.

Beliau berkata, antara kesalahan yang dikesan termasuk Akta Imigresen 1959/63 kerana menggajikan pekerja asing tanpa permit, Perenggan 5(2) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan Peremggan 3(1) (g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Selain itu turut dikesan di bawah Seksyen 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Majlis Perbandaran Kajang kerana menjalankan perniagaan bukan di lokasi berkenaan.

Dalam perkembangan berasingan, WCB/PSK telah merekodkan lapan kes dengan 52 tangkapan membabitkan rampasan bernilai RM15.1 juta bermula Januari hingga 15 Mei lalu menerusi Op Taring Chiller.

Bagi keseluruhan kes yang direkodkan JKDNKA pula, Mohd Yusri berkata, 88 kes dicatatkan dengan tangkapan 153 individu serta bernilai kira-kira RM157.39 juta. – [MALAYSIAGAZETTE](#)

Campur Karkas Babi Dengan Daging Lain, Sindiket Gudang Sejuk Beku Diserbu			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Dalam Talian	18 Mei



Sebuah premis daging sejuk beku di Kajang yang diserbu polis baru-baru ini.

KUALA LUMPUR - Sindiket yang menjadikan gudang menyimpan karkas babi dengan pelbagai daging sejuk beku lain sebelum dipotong dan dibungkus semula di Kajang dibongkar baru-baru ini.

Serbuan Op Taring Chiller bermula kira-kira jam 8 malam digerakkan Biro Jenayah Hidupan Liar/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman dengan kerjasama Jabatan

Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Perbandaran Kajang (MPK) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Lumpur.

Pengarah JKDNKA Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, serbuan pada 14 dan 15 Mei itu bertindak merampas 167,143.72 kilogram (kg) daging sejuk beku bernilai RM12.4 juta.

Menurutnya, mengikut pecahan, rampasan membabitkan 4,840

karton kotak karkas khinzir, 410 kanton kepak ayam serta 115 kanton kotak itik.

"Polis telah menahan lima lelaki iaitu seorang tempatan dan empat Myanmar berusia lingkungan 21 hingga 43 tahun disyaki berperanan sebagai penjaga stor, pemandu dan penghantar.

"Selain itu, pelbagai barang kes juga disita antaranya dokumentasi transaksi, kenderaan, peralatan pemindahan serta aset-aset lain yang dipercayai digunakan dalam kegiatan tersebut," katanya dalam sidang akhbar di Bukit Aman di sini pada Isnin.

Beliau berkata, modus operandi sindiket yang telah aktif sejak empat tahun lalu ialah menyeludup masuk dagangan itu melalui selatan tanah air dan daging berkenaan dipercayai dari negara China, Brazil serta Argentina.

Katanya, premis terbabit juga beroperasi bagi membuat pembungkusan semula daging sejuk beku terbabit sebelum diedar di pasaran tempatan.

"Siasatan awal mengesan aktiviti

memotong daging dan membungkus semula serta menggunakan jenama yang pelbagai," ujarnya.

Tambahnya, polis masih menyiasat dengan mendalam lokasi pengedaran sama ada melibatkan pasar raya atau restoran.

Dedah beliau, sindiket juga berselindung di sebalik perniagaan makanan sejuk beku dengan menjalankan aktiviti produk import yang tidak diiktiraf dan kegiatan pencampuran produk halal serta tidak halal.

"Polis percaya kegiatan ini didalangi sindiket yang mempunyai rangkaian tertentu dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengesan dalang utama, pemodal serta mana-mana individu lain yang terlibat," ujarnya.

Katanya lagi, siasatan mendapati syarikat terbabit berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga 5 April 2031 bagi menjalankan aktiviti logistik dan sejuk beku.

"Premis bagaimanapun tidak mempunyai lesen menjalankan aktiviti penyimpanan atau pemprosesan sejuk beku," ujarnya.

Kes disiasat Seksyen 5 Akta Binatang 1953, Perenggan 5(2) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan Perenggan 3(1)(g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, Akta Imigresen 1959/63 serta Seksyen 3 Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPK.

Dalam perkembangan lain, bermula Januari hingga 15 Mei lalu, Op Taring Chiller yang dijalankan WCB/PSK telah merekodkan lapan kes dengan 52 tangkapan membabitkan rampasan bernilai RM15.1 juta.

Bagi keseluruhan kes yang direkodkan JKDNKA bagi tempoh sama pula, Mohd Yusri berkata, 88 kes dicatatkan dengan tangkapan 153 individu serta bernilai kira-kira RM157.39 juta.-[SINARHARIAN](#)

Sindiket simpan karkas babi bersama daging lain tumpas, rampasan cecah RM12.4 juta			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Dalam Talian	18 Mei



Mohd Yusri (tengah) berkata, serbuan itu berjaya merampas sebanyak 167,143.72 kilogram (kg) daging sejuk beku bernilai RM12.4 juta. - Foto Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Sindiket yang menjadikan sebuah gudang sebagai lokasi penyimpanan karkas babi bersama pelbagai daging sejuk beku lain sebelum dipotong dan dibungkus semula di Kajang berjaya dibongkar pihak berkuasa baru-baru ini.

Serbuan Op Taring Chiller digerakkan Biro Jenayah Hidupan Liar/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan

Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Lumpur.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, serbuan itu berjaya merampas sebanyak 167,143.72 kilogram (kg) daging

sejuk beku bernilai RM12.4 juta.

Menurut beliau, rampasan melibatkan 4,840 karton karkas khinzir, 410 karton kepak ayam import dan 115 karton daging itik.

“Polis telah menahan lima lelaki iaitu seorang warga tempatan dan empat warga Myanmar berusia antara 21 hingga 43 tahun yang disyaki berperanan sebagai penjaga stor, pemandu dan penghantar.

“Selain itu, pelbagai barang kes turut disita termasuk dokumentasi transaksi, kenderaan, peralatan pemindahan serta aset lain yang dipercayai digunakan dalam kegiatan tersebut,” katanya dalam sidang media di Dewan Theatrette, Bukit Aman di sini pada Isnin.

Mohd Yusri berkata, modus operandi sindiket yang aktif sejak empat tahun lalu itu dipercayai menggunakan premis stor sejuk bagi menyimpan pelbagai jenis daging import sebelum diproses dan diedarkan semula ke pasaran tempatan.

“Sindiket dipercayai menggunakan kaedah pengisytiharan palsu untuk membawa masuk bekalan daging melalui pelabuhan negara dari beberapa negara termasuk China,

Brazil dan Argentina,” katanya.

Tambahnya, siasatan turut mendapati premis terbabit tidak mempunyai lesen sah untuk menjalankan aktiviti penyimpanan atau operasi stor sejuk.

“Kami juga mendapati berlaku pelanggaran Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 susulan pencampuran produk halal dan tidak halal di premis terbabit,” katanya lagi.

Selain itu, beliau turut memaklumkan pihak polis kini sedang mengenal pasti saluran pengedaran daging berkenaan termasuk kemungkinan dibekalkan ke restoran, pasar raya dan premis lain di pasaran tempatan di seluruh negara termasuk kawasan selatan tanah air.

“Perkara itu masih dalam siasatan. Kami sedang mengenal pasti saluran pengedaran termasuk sama ada ia dibekalkan ke restoran, pasar raya atau premis lain,” katanya.

Beliau berkata, pihak polis percaya kegiatan itu melibatkan rangkaian sindiket tertentu dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti dalang serta individu lain yang terlibat.

Dalam tempoh 1 Januari hingga 15 Mei 2026, JKDNKA merekodkan sebanyak 88 kes membabitkan 153 individu dengan nilai rampasan keseluruhan RM157.3 juta.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran tegas bahawa pihak polis tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan dan penyelewengan barang kawalan bersubsidi.-[ASTROAWANI](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR